

10/12/1998

Pemimpin tiga negara dijangka temui PM

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, setakat ini dijadualkan akan mengadakan mesyuarat dua hala dengan tiga negara iaitu Vietnam, China dan Kemboja.

Mengikut jadual, Perdana Menteri, yang dijangka tiba di sini Isnin depan, akan membuat kunjungan hormat kepada Perdana Menteri Vietnam, Phan Van Khai.

Dr Mahathir juga dijadualkan menemui Naib Presiden China, Hu Jintao.

Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen, akan menggunakan kesempatan daripada kehadirannya sebagai pemerhati sidang itu dijangka meluangkan masa untuk bertemu dan bertukar pendapat dengan Dr Mahathir.

Bagaimanapun tarikh pertemuan belum ditentukan.

(END)